

NOTIS WAJIBKAN INDIVIDU BUAT LAPORAN BAGI PENDAFTARAN

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Kerahan 1970, pihak berkuasa menghendaki setiap lelaki warga negara Singapura dan setiap lelaki Penduduk Tetap Singapura, yang lahir antara 1 April 2009 hingga 30 Jun 2009 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (yang disebutkan dalam pemberitahuan ini sebagai seorang pendaftar) perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara.

Pendaftaran bagi perkhidmatan negara

2. Seseorang pendaftar mesti mendaftar bagi perkhidmatan negara antara 27 Mei 2026 hingga 16 Jun 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) —

- (a) menerusi dalam talian di <https://www.ns.gov.sg>; atau
- (b) secara peribadi di Pangkalan Pusat Tenaga Manusia (CMPB) yang terletak di 91 Hillview Link, Singapura 669723.

Pemeriksaan perubatan

3. Kecuali dimaklumkan oleh pihak berkuasa, setiap pendaftar mesti —

- (a) semasa mendaftar bagi perkhidmatan negara, memilih satu tarikh antara 17 Julai 2026 hingga 26 Ogos 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) untuk pemeriksaan perubatan; dan
- (b) menjalani pemeriksaan perubatan di CMPB yang terletak di 91 Hillview Link, Singapura 669723 pada tarikh yang dipilih antara 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Tempat:	Pangkalan Pusat Tenaga Manusia
Masa:	Isnin hingga Jumaat - 8 pagi hingga 5 petang Sabtu - 8 pagi hingga 1 tengah hari Tutup pada Ahad dan cuti awam
Pertanyaan:	1800-3676767
E-mel:	contact@ns.gov.sg
Laman Utama:	https://www.ns.gov.sg